

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]

SOALAN NO. 273

Dato' Haji Mohd Fasiah Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** perancangan Kementerian dalam membantu pesara atau warga emas yang tergolong di bawah B40 bagi membantu mereka menjana pendapatan untuk menampung kos sara hidup yang terus meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mendepani cabaran negara tua menjelang 2030, Kerajaan melalui Kementerian ini merangka beberapa inisiatif baharu bertujuan menjaga kebijakan dan kesejahteraan warga emas seperti berikut:

1) Program Penggalakan Pekerjaan Kepada Warga Emas

Bagi menggalakkan peluang pekerjaan bagi golongan berumur 60 tahun ke atas, caruman mandatori KWSP bagi majikan telah dikurangkan daripada enam peratus kepada empat peratus mulai 1 Januari 2019. Manakala bagi golongan pekerja ini pula tidak perlu mencarum, maka pendapatan boleh guna mereka akan meningkat. Potongan cukai tambahan juga diberikan kepada majikan ke atas perbelanjaan penggajian golongan ini dengan had jumlah saraan sebanyak RM4,000 sebulan. Langkah ini adalah bagi menggalakkan syarikat mengambil semula golongan ini, terutamanya B40 untuk terus bekerja.

2) Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Sebagai *One Stop Centre*

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas yang melibatkan kerjasama strategik antara KPWKM dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan. PAWE disasarkan kepada warga emas berumur 60 tahun ke atas dan sihat serta dapat menguruskan diri.

Bagi meningkatkan kefungsian PAWE, projek rintis PAWE sebagai *One Stop Centre* akan dilaksanakan bagi menarik minat warga emas untuk bekerja dan memadankan pekerjaan untuk pemerkasaan ekonomi warga emas.